

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2007/2008) (BIL. 1), 2008

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 4/08) bertarikh 15 haribulan Januari 2008 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu enam ratus tiga puluh satu juta, empat belas ribu, enam ratus tujuh puluh tiga ringgit (\$4,631,014,673.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2007/2008), 2007 (Akta 1/2007);

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak seratus tujuh puluh tujuh juta, tiga puluh dua ribu, empat ratus enam puluh tiga ringgit (\$177,032,463.00);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2007/2008) (Bil.1), 2008.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2007/2008 dan peruntukan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi seratus tujuh puluh tujuh juta, tiga puluh dua ribu, empat ratus enam puluh tiga ringgit (\$177,032,463.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2007/2008, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2007/2008), 2007 (Akta 1/2007) adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang ini adalah diperuntukkan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

[1]	[2]	[3]
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk
JABATAN PERDANA MENTERI		
SA01A	Jabatan Perdana Menteri	\$725,200.00
SA04A	Biro Kawalan Narkotik	\$1,208,512.00
SA05A	Biro Mencegah Rasuah	\$150.00
SA07A	Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara	\$1,100,827.00
SA08A	Radio Televisyen Brunei	\$5,757,804.00
SA09A	Jabatan Penerangan	\$371,799.00
SA10A	Jabatan Perkhidmatan Awam	\$706,959.00
SA12A	Polis Diraja Brunei	\$4,905,561.00
SA14A	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	\$820,948.00
SA16A	Jabatan Mufti Kerajaan	\$1,960,220.00
SA17A	Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi	\$2,436,598.00
SA18A	Bahagian Undang-Undang	\$482,233.00
SA20A	Pencetak Kerajaan	\$262,466.00
SK05A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$5,723,162.00
KEMENTERIAN PERTAHANAN		
SB01A	Kementerian Pertahanan	\$17,663,545.00
SB03A	Unit Simpanan Gurkha	\$115,537.00

JADUAL – *sambungan*

[1]	[2]	[3]
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk
KEMENTERIAN KEWANGAN		
SD01A	Jabatan Kementerian Kewangan	\$3,578,308.00
SD03A	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	\$1,691,304.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI		
SE01A	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	\$308,112.00
SE03A	Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria	\$1,478,504.00
SE04A	Lembaga Bandaran Tutong	\$7,098.00
SE05A	Jabatan Buruh	\$237,621.00
SE06A	Pejabat Daerah Brunei dan Muara	\$322,067.00
SE07A	Pejabat Daerah Belait	\$1,195,719.00
SE08A	Pejabat Daerah Tutong	\$795,809.00
SE09A	Pejabat Daerah Temburong	\$170,001.00
SE10A	Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan	\$2,497,708.00
SE11A	Jabatan Penjara	\$1,189,043.00
SE12A	Jabatan Bomba dan Penyelamat	\$873,265.00
KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
SF01A	Kementerian Pendidikan	\$16,390,076.00
SF02A	Universiti Brunei Darussalam	\$15,262,472.00
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER- SUMBER UTAMA		
SH01A	Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	\$1,832,530.00
SH03A	Jabatan Perikanan	\$699,452.00
SH04A	Jabatan Pertanian	\$894,658.00
SH05A	Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA)	\$716,924.00

JADUAL – sambungan

[1]	[2]	[3]
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk
	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	
SJ01A	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama	\$13,279,599.00
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	
SK02A	Jabatan Kemajuan Perumahan	\$5,314.00
SK03A	Jabatan Kerja Raya	\$3,245,607.00
	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	
SL01A	Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	\$2,031,377.00
SL03A	Jabatan Belia dan Sukan	\$10,703,677.00
SL04A	Muzium	\$1,746,686.00
SL05A	Pusat Sejarah	\$101,139.00
SL06A	Jabatan Pembangunan Masyarakat	\$254,956.00
	KEMENTERIAN KESIHATAN	
SM01A	Kementerian Kesihatan	\$6,305,156.00
SM02A	Jabatan Perkhidmatan Perubatan	\$24,568,567.00
	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN	
SN01A	Jabatan Kementerian Perhubungan	\$4,243,648.00
SN03A	Jabatan Pelabuhan	\$938,516.00
SN04A	Jabatan Penerbangan Awam	\$13,389,377.00
SN05A	Jabatan Pengangkutan Darat	\$306,005.00
SN06A	Jabatan Perkhidmatan Pos	\$1,530,647.00
		<u>\$177,032,463.00</u>

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 18 haribulan November, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM